

SD 16/12/08 n/a TB.

## UMT naik taraf van peringkat eksekutif

KUALA TERENGGANU - Universiti Malaysia Terengganu (UMT) akan membeli sebuah van dan menaik taraf kenderaan itu pada peringkat eksekutif bagi kegunaan penuntut serta pihak pengurusan universiti berkenaan.

Naib Canselor UMT, Profesor Dr Aziz Deraman berkata, pembelian van baru itu mengambil kira keperluan semasa universiti.

"Bas sedia ada yang kami miliki juga akan dinaiktarafkan kepada keadaan lebih baik.

"Kami ambil langkah ini supaya penuntut dan kakitangan universiti lebih selesa menggunakan bas itu nanti," katanya.

Menurutnya, pada masa sama, pihak UMT juga giat berusaha mengadakan perjanjian persefahaman dengan Yaysan Pembangunan Usahawan (YPU) Terengganu bagi memberi peluang penuntut terbabit aktiviti keusahawanan yang diadakan YPU.



• AZIZ DERAMAN

## Kebajikan kaum Cina, India tidak terpinggir

KUALA TERENGGANU - Walau-pun kaum Melayu adalah majoriti di negeri ini, kaum lain seperti Cina dan India tidak pernah dipinggirkan.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mokhtar Nong berkata, kebajikan kaum lain di negeri ini sentiasa diutamakan.

"Kebajikan kaum lain terus dilihara dan diberi perhatian, seiring konsep 1Malaysia yang berpaksikan rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan.

"Ia bertujuan mengukuhkan hubungan dan kerjasama antara rakyat pelbagai kaum di negara ini sebagai senjata utama dalam menghadapi apa juga cabaran yang boleh mengugat kerukunan hidup bermasyarakat," katanya.

Menurutnya, nilai murni yang ada pada kaum masing-masing juga perlu dipertahankan dan dijadikan budaya sihat.

Mokhtar berkata, persefahaman, toleransi dan sikap mengambil berat antara satu sama lain tanpa mengambil kira agama serta kaum juga harus ditingkatkan dan dikuatkuarkan bagi menjamin kesejahteraan serta keselamatan bersama.



• MOKHTAR NONG